Credit Card Sign-Up Promotion
Terms and Conditions

The "Credit Card Sign-Up Promotion" ("Promotion") is organised by Jirnexu Sdn Bhd (Registration No. 1081989-D), hereinafter referred to as "The Organiser".

1. Promotion Period

This Promotion will run **from 2nd November 2026** (starting at 11:00 AM) **until 16th November 2026** (ending at 10:59 AM), both dates inclusive, unless otherwise notified ("Promotion Period"). The Organiser reserves the right to end the Promotion earlier than **16th November 2026** (10:59 AM) or to extend the Promotion Period beyond this date at its sole discretion without prior notice. Any applications received outside the Promotion Period (as may be revised) will not be considered.

2. Eligibility

The Promotion is open to applicants who meet the following criteria:

2.1. Applicants must be at least 21 years old and possess a valid Malaysia Identification Card (MyKad).

2.2. Applicants must successfully register their interest for one of the eligible credit cards stated in Clause 3 ("Eligible Cards") issued by UOB Malaysia Berhad ("Bank"), as a principal cardholder through the Organiser's websites (RinggitPlus.com or CompareHero.my) during the Promotion Period.

2.3. Applicants must be **approved for the following Eligible Cards (listed under Clause 2.3) by 16th December 2026, activate it, and make a minimum amount of RM400 in retail transactions ("Retail Spend") within sixty (60) calendar days** from the Credit Card approval date.

2.3.1. UOB Visa Infinite Card
2.3.2. UOB PRVI Miles Elite Card
2.3.3. UOB World Card
2.3.4. UOB Lady's Solitaire Card
2.3.5. UOB Platinum Business Card

2.4. Applicants must be **approved for the following Eligible Cards (listed under 2.4) by 16th December 2026, activate it, and make a minimum amount of RM200 in retail transactions ("Retail Spend") within sixty (60) calendar days** from the Credit Card approval date.

2.4.1. UOB Preferred Card
2.4.2. UOB Lady's Card
2.4.3. UOB ONE Card
2.4.4. UOB EVOL Card
2.4.5. Lazada UOB Card
2.4.6. UOB Simple Card

3. Eligible Cards

Eligible Cards for this Promotion include:

- UOB Visa Infinite Card
- UOB PRVI Miles Elite Card
- UOB World Card
- UOB Lady's Solitaire Card
- UOB Platinum Business Card
- UOB Preferred Card
- UOB Lady's Card
- UOB ONE Card
- UOB EVOL Card
- Lazada UOB Card
- UOB Simple Card

4. Ineligible Applicants

The following categories of applicants are **NOT** eligible to participate in this Promotion:

4.1. Permanent and/or contract employees of UOB Malaysia Berhad and Jirnexu Sdn Bhd (including subsidiaries and related companies) and their respective immediate family members;

4.2. Representatives and/or agents (including advertising and campaign agents) of UOB Malaysia Berhad and Jirnexu Sdn Bhd and their respective immediate family members;

4.3. Any applicant or person who had cancelled any UOB Malaysia credit cards within the twelve (12) months prior to applying for a new Eligible Card as part of this promotion;

4.4. Present holders of any UOB Malaysia Principal/Primary credit card(s);

4.5. Any person who has committed or is suspected of committing any misconduct, fraudulent or wrongful acts in relation to their UOB Malaysia Credit Card account(s), or any facility, service, or accommodation granted by UOB Malaysia, including UOB Online services.

5. Application Review

5.1. Applicants must provide clear images of both the front and back of their Identity Card (MyKad) during the application process via the Organiser's website and chatbot.

5.2. Applicants must submit their application by clicking the link provided in the application email or at the end of the WhatsApp Chatbot application journey to be qualified for approval under the RinggitPlus promotion.

5.3. The Organiser reserves the right to approve or reject applications submitted on the website without providing a specific reason.

6. Promotion Gift Categories

6.1. Applicants who have completed their online application for Eligible Card within the Promotion Period and have met the eligibility criteria outlined in Clause 2 shall be referred to as "**Qualified Applicants**".

6.2. "**Premium Gift**" refers to the limited Promotion Gift with a higher value. Premium Gifts are divided into Primary and Secondary categories based on Eligible Cards applied and the relevant specified criteria in Clause 6.4.

6.3. "**Guaranteed Gift**" refers to a standard Promotion Gift, which is provided to Qualified Applicants who **do not** fulfil the criteria of the Premium Gift. Guaranteed Gifts are divided into Primary and Secondary categories based on Eligible Cards applied and the relevant specified criteria in Clause 6.4.

6.4. Promotion Gift categories and its criteria are stated in the table below:

Gift Category	Promotion Gift	Criteria

Primary Premium Gift	Apple iPhone 18 Pro	• **One (1) Qualified Applicant** with the highest Retail Spend by 14th February 2027, based on the Qualified Applicants List from UOB Malaysia Berhad
		• Qualified Applicants who have applied for the following cards:
		  ○ UOB Visa Infinite Card
		  ○ UOB PRVI Miles Elite Card
		  ○ UOB World Card
		  ○ UOB Lady's Solitaire Card
		  ○ UOB Platinum Business Card
		• Capped at **one (1)** unit

Secondary Premium Gift	**Apple Watch Series 12**	• **One (1) Qualified Applicant** with the highest Retail Spend by 14th February 2027, based on the Qualified Applicants List from UOB Malaysia Berhad
		• Qualified Applicants who have applied for the following cards:
		  ○ UOB Preferred Card
		  ○ UOB Lady's Card
		  ○ UOB ONE Card
		  ○ UOB EVOL Card
		  ○ Lazada UOB Card
		  ○ UOB Simple Card
		• Capped at **one (1)** unit

Primary Guaranteed Gift	**RM300 Touch 'n Go e-Wallet Credit**	• **Guaranteed** to Qualified Applicants who are not selected to receive the Premium Gift.
		• Qualified Applicants who have applied for the following cards:
		  ○ UOB Visa Infinite Card
		  ○ UOB PRVI Miles Elite Card
		  ○ UOB World Card
		  ○ UOB Lady's Solitaire Card
		  ○ UOB Platinum Business Card

Secondary Guaranteed Gift	**RM188 Touch 'n Go e-Wallet Credit**	• **Guaranteed** to Qualified Applicants who are not selected to receive the Premium Gift and Primary Guaranteed Gift.
		• Qualified Applicants who have applied for the following cards:
		  ○ UOB Preferred Card
		  ○ UOB Lady's Card
		  ○ UOB ONE Card
		  ○ UOB EVOL Card
		  ○ Lazada UOB Card
		  ○ UOB Simple Card

6.5. Each Qualified Applicant is eligible for **only one (1)** Promotion Gift regardless of the number of Eligible Credit Cards the applicant receives during the Promotion Period.

6.5.1. Where a Qualified Applicant is approved for more than one (1) Eligible Card during the Promotion Period, only the first Eligible Card approved by UOB Malaysia shall be considered for this Promotion. The Promotion Gift category, the Retail Spend criteria in Clause 2.3 or Clause 2.4, and the Retail Spend for the Premium Gift shall be determined based on that Eligible Card only. Retail Spend on any other Eligible Card shall not be counted or combined.

6.6. Qualified Applicants are determined based on the date and time of their online application for the Eligible Cards from UOB Malaysia via the Organiser's websites (RinggitPlus.com or CompareHero.my).

6.7. Qualified Applicants who are awarded the Premium Gift will be announced and published on RinggitPlus' Facebook page by **31st May 2027.**

7. Selection Process

7.1. The Organiser will select the recipients of the Gift Categories based on the criteria stated in Clause 6.4.

7.2. Once the applicant completes the retail spend criteria stated in Clause 2.3 or Clause 2.4, UOB Malaysia will update the list of Qualified Applicants ("Qualified Applicants List") and deliver it periodically to The Organiser according to the following timelines:

7.2.1. For Primary Guaranteed Gift and Secondary Guaranteed Gift: UOB Malaysia may take up to sixty (60) days from the date the applicant completes the retail spend criteria stated in Clause 2.3 or Clause 2.4 to update the list of Qualified Applicants.

7.2.2. For Premium Gift: UOB Malaysia will determine and update the list of Qualified Applicants who qualify as Top Spenders within sixty (60) days from 14th February 2027.

7.3. The Organiser will require three (3) weeks to process the Qualified Applicants List received from UOB Malaysia, after which gift claim instructions will be sent to Qualified Applicants via email.

7.4. The Qualified Applicants will be responsible for completing gift claims with accurate and up-to-date details for the Organiser to arrange delivery of the Promotion Gift.

7.5. UOB Malaysia and the Organiser reserve the right to maintain confidentiality in the Promotion Gift selection process.

7.6. The Organiser reserves the right to select recipients of Promotion Gifts at their absolute discretion, based on the criteria specified in Clause 6.4 and subject to the total number of Qualified Applicants.

8. Gift Fulfilment

8.1. Physical Gift Fulfilment

8.1.1. The Organiser is responsible for fulfilment and will send each Promotion Gift via a reputable courier service within twenty-eight (28) days of the Qualified Applicant submitting complete and accurate gift claim details to the Organiser;

8.1.2. The Organiser is not responsible for any loss, damage, delay, tampering, theft, or modification of the Promotion Gift once it has been collected from the Organiser's place of dispatch for delivery by the courier company.

8.2. Digital Gift Fulfilment

8.2.1. The Organiser will send instructions to Qualified Applicants on how to claim the Promotion Gifts via their registered mobile number or email address within twenty-eight (28) days of receiving complete and accurate gift claim details.

8.2.2. The expiry of the e-Wallet Credit will be specified upon receiving the Promotion Gift.

8.2.3. The Touch 'n Go reload pin (10 digits voucher code), will be provided by the Organiser to the Qualified Applicant. For steps on how to reload, please refer to:
https://www.tngdigital.com.my/reloadpin-awareness
https://media.ringgitplus.com/s/pdf/campaigns/user-tnc.pdf

8.3. The Bank reserves the right to forfeit the Promotion Gift if the Qualified Applicant's new Credit Card is suspended, cancelled, or terminated for any reason prior to the fulfilment of the Promotion Gift.

8.4. Promotion Gifts are subject to availability. In the event of unforeseen circumstances, the Organiser reserves the right to substitute alternative gifts of equivalent or greater value with no notice.

8.5. Promotion Gifts cannot be transferred to other parties, are not refundable and not exchangeable for cash, credit, or other goods.

8.6. It is the Qualified Applicant's responsibility to claim their Promotion Gift from the Organiser before **31st July 2027** ("Claim Period"). The Organiser reserves the right not to entertain any claim received outside the Claim Period.

9. Definitions of Retail Spend

"Retail Spend" refers to the purchase of any goods or services (local or international) with the use of the Eligible Card and may, at UOB Malaysia's discretion, include retail or online transaction, e-wallet top-up and any Eligible Card transaction as may be determined by UOB Malaysia, **except** for the following transactions:

- Cash Advance.
- Balance Transfers and/or Balance Conversion.
- Flexi Credit Plans.
- Easi-Payment Plan ("EPP") instalments and/or purchases.
- Instalment Payment Plan ("IPP") instalments and/or purchases.
- Auto Balance Conversion.
- Credit card fees and charges (i.e. finance charges, late charges, annual fee, etc.).
- Any disputed, cancelled, refunded, unauthorised or fraudulent purchase transactions.
- Any taxes or levies.

10. Organiser's Discretion and Promotion Changes

Only applicants who fulfil the Credit Card Sign-Up Promotion Terms and Conditions shall be eligible for a Promotion Gift. The Organiser reserves the right to disqualify applicants who have failed to fulfil the Promotion Terms and Conditions and/or who have submitted incomplete or inaccurate data, without prior notice. The Organiser reserves the right to change the Promotion Period at any time. If the Promotion Period is revised, the number of gifts will be prorated according to the Promotion's revised duration.

11. Use of Personal Data

By applying at RinggitPlus.com or CompareHero.my, all applicants consent to the use of their personal data by the Organiser for the purposes of the administration of this offer and any other purposes to which the entrant has consented, such as the Terms and Conditions, Personal Data and Information Notice, and Privacy Policy published at RinggitPlus.com or CompareHero.my.

12. Acceptance of Terms and Conditions

By accepting the offer each applicant agrees to be bound by these terms and conditions;

12.1. The Organiser reserves the right to cancel, terminate or suspend the Promotion without notice. Any cancellation, termination or suspension of the Promotion by The Organiser shall not entitle the applicant to any claim or compensation against The Organiser for any loss or damage incurred by the applicant as a direct and indirect result of such cancellation, termination or suspension;

12.2. The decisions of the Organiser in relation to every aspect of the Promotion, including but not limited to the type of Promotion Gift, shall be deemed final and conclusive under any circumstance and no complaint from any applicant will be entertained. The decisions of The Organiser are final, conclusive, and binding and no further appeal, enquiry and/or correspondence will be entertained;

12.3. The terms and conditions herein contained shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

-END-

Promosi Pendaftaran Kad Kredit
Terma dan Syarat

“Promosi Pendaftaran Kad Kredit" ("Promosi") ini dianjurkan oleh Jirnexu Sdn Bhd (No. Pendaftaran 1081989-D), yang selepas ini dirujuk sebagai "Penganjur".

1. Tempoh Promosi

1.1. Promosi ini akan berlangsung dari **2 November 2026 (11:00 AM)** hingga **16 November 2026 (10:59 AM)**, kedua-dua tarikh tersebut termasuk, melainkan dinyatakan sebaliknya ("Tempoh Promosi").

1.2. Penganjur berhak untuk menamatkan Promosi lebih awal daripada **16 November 2026 (10:59 AM)** atau melanjutkan Tempoh Promosi melebihi tarikh tersebut mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis terlebih dahulu. Sebarang permohonan yang diterima selepas Promosi tamat tidak akan dipertimbangkan.

2. Kelayakan

2.1. Promosi ini terbuka kepada pemohon yang memenuhi kriteria berikut:

2.1.1. Warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas dengan MyKad yang sah;

2.1.2. Pemohon mesti membuat permohonan sebagai pemegang kad utama bagi salah satu Kad Kredit UOB yang layak seperti dinyatakan dalam Klausa 3 ("Kad Yang Layak") yang dikeluarkan oleh UOB Malaysia Berhad ("Bank");

2.1.3. Permohonan mesti dibuat melalui laman web Penganjur (RinggitPlus.com atau CompareHero.my) dalam Tempoh Promosi.

2.2. Pemohon mesti **mendapat kelulusan bagi Kad Yang Layak seperti yang disenaraikan di bawah Klausa 2.2 sebelum 16 Disember 2026, mengaktifkan kad tersebut, dan membelanjakan sekurang-kurangnya RM400 dalam transaksi runcit (“Perbelanjaan Runcit”) dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar** dari tarikh kelulusan Kad Kredit.

2.2.1. UOB Visa Infinite Card
2.2.2. UOB PRVI Miles Elite Card
2.2.3. UOB World Card
2.2.4. UOB Lady’s Solitaire Card
2.2.5. UOB Platinum Business Card

2.3. Pemohon mesti **mendapat kelulusan bagi Kad Yang Layak seperti yang disenaraikan di bawah Klausa 2.3 sebelum 16 Disember 2026, mengaktifkan kad tersebut, dan membelanjakan sekurang-kurangnya RM200 dalam transaksi runcit ("Perbelanjaan Runcit") dalam tempoh enam puluh (60) hari kalendar** dari tarikh kelulusan Kad Kredit.

2.3.1. UOB Preferred Card
2.3.2. UOB Lady's Card
2.3.3. UOB ONE Card
2.3.4. UOB EVOL Card
2.3.5. Lazada UOB Card
2.3.6. UOB Simple Card

3. Kad Yang Layak

Kad Yang Layak untuk Promosi ini termasuk:

- UOB Visa Infinite Card
- UOB PRVI Miles Elite Card
- UOB World Card
- UOB Lady's Solitaire Card
- UOB Platinum Business Card
- UOB Preferred Card
- UOB Lady's Card
- UOB ONE Card
- UOB EVOL Card
- Lazada UOB Card
- UOB Simple Card

4. Pemohon Yang Tidak Layak

Kategori pemohon berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini:

4.1. Pekerja tetap dan/atau kontrak UOB Malaysia Berhad dan Jirnexu Sdn Bhd (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan), serta ahli keluarga terdekat masing-masing;

4.2. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) UOB Malaysia Berhad dan Jirnexu Sdn Bhd serta ahli keluarga terdekat masing-masing;

4.3. Mana-mana individu yang telah membatalkan mana-mana kad kredit UOB Malaysia dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum membuat permohonan untuk Kad Yang Layak sebagai sebahagian daripada promosi ini;

4.4. Pemegang semasa mana-mana kad kredit Prinsipal/Utama UOB Malaysia;

4.5. Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan, atau perbuatan yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan akaun Kad Kredit UOB Malaysia mereka atau sebarang kemudahan, perkhidmatan, atau kemudahan lain yang diberikan oleh UOB Malaysia, termasuk perkhidmatan dalam talian UOB.

5. Semakan Permohonan

5.1. Pemohon mesti menyediakan imej yang jelas bagi bahagian depan dan belakang Kad Pengenalan (MyKad) mereka semasa proses permohonan melalui laman web dan chatbot Penganjur.

5.2. Pemohon mesti mengemukakan permohonan mereka dengan mengklik pautan yang disediakan dalam e-mel permohonan atau di akhir proses permohonan melalui Chatbot WhatsApp untuk layak dipertimbangkan di bawah kempen RinggitPlus.

5.3. Penganjur berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan yang dikemukakan melalui laman web tanpa memberikan alasan tertentu.

6. Kategori Hadiah Promosi

6.1. Pemohon yang telah melengkapkan permohonan dalam talian untuk Kad Yang Layak dalam Tempoh Promosi dan telah memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Klausa 2 akan dirujuk sebagai **"Pemohon Yang Layak"**.

6.2. **"Hadiah Premium"** merujuk kepada Hadiah Promosi terhad dengan nilai yang lebih tinggi.

6.3. Hadiah Premium dibahagikan kepada dua sub-kategori, iaitu “**Hadiah Premium Pertama**” dan “**Hadiah Premium Kedua**”, dengan kriteria bagi kedua-duanya dinyatakan dalam Klausa 6.6.

6.4. **"Hadiah Dijamin"** merujuk kepada Hadiah Promosi biasa yang diberikan kepada Pemohon Yang Layak yang tidak memenuhi kriteria Hadiah Premium.

6.5. Hadiah Dijamin dibahagikan kepada dua sub-kategori, iaitu “**Hadiah Dijamin Pertama**” dan “**Hadiah Dijamin Kedua**”, dengan kriteria bagi kedua-duanya dinyatakan dalam Klausa 6.6.

6.6. Kategori Hadiah Promosi dan kriterianya dinyatakan dalam jadual berikut:

Kategori Hadiah	**Hadiah Promosi**	**Kriteria**
Hadiah Premium Pertama	**Apple iPhone 18 Pro**	• **Satu (1) Pemohon yang Layak dengan jumlah Perbelanjaan Runcit tertinggi sehingga 14 Februari 2027,** berdasarkan Senarai Pemohon Yang Layak dari UOB Malaysia Berhad • Pemohon Yang Layak yang telah memohon kad berikut:- ○ UOB Visa Infinite Card ○ UOB PRVI Miles Elite Card ○ UOB World Card ○ UOB Lady's Solitaire Card ○ UOB Platinum Business Card • Terhad kepada **satu (1)** unit sahaja
Hadiah Premium Kedua	**Apple Watch Series 12**	• **Satu (1) Pemohon yang Layak dengan jumlah Perbelanjaan Runcit tertinggi sehingga 14 Februari 2027,** berdasarkan Senarai Pemohon Yang Layak dari UOB Malaysia Berhad • Pemohon Yang Layak yang telah memohon kad berikut:- ○ UOB Preferred Card ○ UOB Lady's Card ○ UOB ONE Card ○ UOB EVOL Card ○ Lazada UOB Card ○ UOB Simple Card • Terhad kepada **satu (1)** unit sahaja

Hadiah Dijamin Pertama	**RM300 Touch ‘n Go e-Wallet Credit**	● **Dijamin** kepada Pemohon yang Layak yang tidak terpilih untuk menerima Hadiah Premium ● Pemohon Yang Layak yang telah memohon kad berikut:- ○ UOB Visa Infinite Card ○ UOB PRVI Miles Elite Card ○ UOB World Card ○ UOB Lady’s Solitaire Card ○ UOB Platinum Business Card
Hadiah Dijamin Kedua	**RM188 Touch ‘n Go e-Wallet Credit**	● **Dijamin** kepada Pemohon yang Layak yang tidak terpilih untuk menerima Hadiah Premium dan Hadiah Dijamin Pertama ● Pemohon Yang Layak yang telah memohon kad berikut:- ○ UOB Preferred Card ○ UOB Lady’s Card ○ UOB ONE Card ○ UOB EVOL Card ○ Lazada UOB Card ○ UOB Simple Card

6.7. Setiap Pemohon Yang Layak hanya layak menerima **satu (1)** Hadiah Promosi tanpa mengira jumlah Kad Kredit Layak yang diperolehi sepanjang Tempoh Promosi.

6.7.1. Sekiranya Pemohon Yang Layak diluluskan untuk lebih daripada satu (1) Kad Yang Layak dalam Tempoh Promosi, hanya Kad Yang Layak pertama yang diluluskan oleh UOB Malaysia akan diambil kira bagi Promosi ini. Kategori Hadiah Promosi, kriteria Perbelanjaan Runcit dalam Klausa 2.2 atau Klausa 2.3, dan Perbelanjaan Runcit bagi Hadiah Premium akan ditentukan berdasarkan Kad Yang Layak tersebut sahaja. Perbelanjaan Runcit bagi mana-mana Kad Yang Layak lain tidak akan diambil kira atau digabungkan.

6.8. Pemohon Yang Layak ditentukan berdasarkan tarikh dan masa permohonan dalam talian mereka untuk Kad Yang Layak dari UOB Malaysia Berhad melalui laman web Penganjur (RinggitPlus.com atau CompareHero.my).

6.9. Pemohon Yang Layak yang dianugerahkan Hadiah Premium akan diumumkan dan disiarkan di halaman Facebook RinggitPlus selewat-lewatnya pada **31 Mei 2027**.

7. Proses Pemilihan

7.1. Penganjur akan memilih penerima Kategori Hadiah berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 6.6.

7.2. Setelah pemohon memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 2.2 atau Klausa 2.3, UOB Malaysia Berhad akan mengemas kini senarai Pemohon Yang Layak ("Senarai Pemohon Yang Layak") dan mengantarkannya kepada Penganjur mengikut garis masa berikut secara berkala.

7.2.1. Bagi Hadiah Dijamin Pertama dan Hadiah Dijamin Kedua: UOB Malaysia mungkin mengambil masa sehingga enam puluh (60) hari dari tarikh pemohon memenuhi kriteria Perbelanjaan Runcit yang dinyatakan dalam Klausa 2.2 atau Klausa 2.3 untuk mengemas kini Senarai Pemohon yang Layak.

7.2.2. Bagi Hadiah Premium: UOB Malaysia akan menentukan dan mengemas kini Senarai Pemohon yang Layak sebagai Pembelanja Tertinggi dalam tempoh enam puluh (60) hari dari 14 Februari 2027.

7.3. Penganjur memerlukan masa tiga (3) minggu untuk memproses Senarai Pemohon Yang Layak yang diterima daripada UOB Malaysia Berhad, selepas itu arahan tuntutan hadiah akan dihantar kepada Pemohon Yang Layak melalui e-mel.

7.4. Pemohon Yang Layak bertanggungjawab untuk melengkapkan tuntutan hadiah dengan butiran yang tepat dan terkini supaya Penganjur dapat mengatur penghantaran Hadiah Promosi.

7.5. UOB Malaysia dan Penganjur berhak untuk mengekalkan kerahsiaan dalam proses pemilihan Hadiah Promosi.

7.6. Penganjur berhak untuk memilih penerima Hadiah Promosi mengikut budi bicara mutlak mereka, berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 6.6 dan tertakluk kepada jumlah keseluruhan Pemohon Yang Layak.

8. Penghantaran Hadiah

8.1. Penghantaran Hadiah Fizikal

8.1.1. Penganjur bertanggungjawab menghantar setiap Hadiah Promosi melalui perkhidmatan kurier yang bereputasi dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas Pemohon Yang Layak menyerahkan butiran tuntutan hadiah yang lengkap dan tepat kepada Penganjur;

8.1.2. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan, kelewatan, gangguan, kecurian, atau pengubahsuaian Hadiah Promosi setelah hadiah tersebut diambil dari tempat penghantaran Penganjur untuk dihantar oleh syarikat kurier.

8.2. Penghantaran Hadiah Digital

8.2.1. Penganjur akan menghantar arahan penebusan Hadiah Promosi ke nombor telefon bimbit atau alamat e-mel berdaftar Pemohon Yang Layak dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas menerima butiran tuntutan hadiah yang lengkap dan tepat;

8.2.2. Tarikh luput Kredit e-Dompet akan dinyatakan selepas pemenuhan oleh Penganjur.

8.2.3. Kod tambah nilai Touch 'n Go (10 digit kod baucar) akan diberikan oleh Penganjur kepada Pemohon Yang Layak. Untuk langkah-langkah cara menambah nilai, sila rujuk:
https://www.tngdigital.com.my/reloadpin-awareness
https://media.ringgitplus.com/s/pdf/campaigns/user-tnc.pdf

8.3. Pihak Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Promosi sekiranya Kad Kredit baharu Pemohon Yang Layak digantung, dibatalkan, atau ditamatkan atas sebarang sebab sebelum pemenuhan Hadiah Promosi.

8.4. Hadiah Promosi tertakluk kepada ketersediaan. Sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka, Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang setara atau lebih tinggi tanpa notis.

8.5. Hadiah Promosi tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, atau barangan lain.

8.6. Pemohon Yang Layak bertanggungjawab untuk menuntut Hadiah Promosi mereka daripada Penganjur sebelum **31 Julai 2027** ("Tempoh Tuntutan"). Penganjur berhak untuk tidak melayan sebarang tuntutan yang diterima selepas Tempoh Tuntutan.

9. Definisi Perbelanjaan Runcit

"Perbelanjaan Runcit" merujuk kepada pembelian mana-mana barangan atau perkhidmatan (tempatan atau antarabangsa) menggunakan Kad Yang Layak dan boleh, mengikut budi bicara UOB Malaysia, termasuk transaksi runcit atau dalam talian, tambah nilai e-dompet dan sebarang transaksi Kad Yang Layak yang ditentukan oleh UOB Malaysia, **kecuali** transaksi berikut:

- Pendahuluan Tunai.
- Pemindahan Baki dan/atau Penukaran Baki.
- Pelan Kredit Flexi.
- Pembelian dan/atau pembayaran ansuran Easi-Payment Plan ("EPP").
- Pembelian dan/atau pembayaran ansuran Instalment Payment Plan ("IPP").
- Penukaran Baki Automatik.
- Bayaran yuran dan caj kad kredit (contoh: caj kewangan, caj pembayaran lewat, yuran tahunan dan lain-lain).

- Transaksi pembelian yang dipertikai, dibatalkan, dipulangkan, tidak dibenarkan atau penipuan.
- Bayaran cukai atau levi.

10. Budi Bicara Penganjur dan Perubahan Promosi

Hanya pemohon yang memenuhi Terma dan Syarat Promosi Pendaftaran Kad Kredit akan layak untuk menerima Hadiah Promosi. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemohon yang gagal memenuhi Terma dan Syarat Promosi dan/atau yang telah menyerahkan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat, tanpa notis terlebih dahulu. Penganjur berhak untuk mengubah Tempoh Promosi pada bila-bila masa. Sekiranya Tempoh Promosi disemak semula, bilangan hadiah akan dikira secara prorata mengikut tempoh Promosi yang disemak semula.

11. Penggunaan Data Peribadi

Dengan membuat permohonan di RinggitPlus.com atau CompareHero.my, semua pemohon bersetuju dengan penggunaan data peribadi mereka oleh Penganjur untuk tujuan pentadbiran tawaran ini dan sebarang tujuan lain yang dipersetujui oleh pemohon, seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat, Notis Data Peribadi dan Maklumat, serta Dasar Privasi yang diterbitkan di RinggitPlus.com atau CompareHero.my.

12. Penerimaan Terma dan Syarat

Dengan menerima tawaran ini, setiap pemohon bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat berikut;

12.1. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi tanpa notis. Sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Promosi oleh Penganjur tidak akan melayakkan kepada pemohon untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;

12.2. Keputusan Penganjur berhubung setiap aspek Promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada jenis Hadiah Promosi, dianggap muktamad dan konklusif dalam apa jua keadaan dan tiada aduan daripada mana-mana pemohon akan dilayan. Keputusan Penganjur adalah muktamad, konklusif, dan mengikat serta tiada sebarang rayuan, pertanyaan, dan/atau surat-menyurat lanjut akan dilayan;

12.3. Terma dan syarat yang dinyatakan di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

-TAMAT-